

15 DEC 1997

SIDANG:MYANMAR SEMAKIN TERBUKA SELEPAS SERTAI ASEAN

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Myanmar kini semakin terbuka berbanding dengan pengasingan sepenuhnya dari seluruh dunia sebelum ini, sejak ia menyertai Asean.

Negara itu, yang pada suatu masa hidup menyendiri, kini mengalami perubahan dengan menerima lebih banyak pelaburan asing manakala kerajaannya pula bersedia untuk mendengar pendapat luar, katanya pada hari kedua Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini.

"Saya rasa sudah ada beberapa perubahan," katanya menjawab soalan mengenai perubahan di Myanmar selepas menyertai Asean.

Dr Mahathir berkata ia merupakan persoalan tanggapan kerana bagi sesetengah pihak, perubahan itu harus menyeluruh dan lengkap.

Beliau berkata untuk melihat perubahan di Myanmar, mereka harus membanding zaman sosialisme di Myanmar dengan masa sekarang.

Myanmar menyertai Asean awal tahun ini bersama-sama dengan Laos.

-- BERNAMA

RAZ NAK